



**BENGKEL INTENSIF PERSIAPAN
TEMUDUGA SEKOLAH
ULUL ALBAB DAN SAINS TAHFIZ 2016**

**BUKU
PANDUAN**

MAKLUMAT KEMASUKAN
KE TINGKATAN 1 SEK
TAHFIZ SAINS @ ULUL ALBAB

A decorative graphic on the right side of the page consisting of four vertical black bars of varying heights. Below the bars, a path of white and grey lines leads downwards, suggesting a staircase or a path.

ANJURAN :
SMART IQ QURANIC CENTRE
www.quranic.stiq.com.my

TARIKH : 7-8 OKTOBER 2016

TEMPAT : DEWAN MASJID JAMEK KEPALA BATAS,
JITRA, KEDAH





Maahad Tahfiz Sains Darulaman merupakan sebuah institusi pengajian menengah yang berteraskan akademik dan Al Quran milik Kerajaan Negeri Kedah Darulaman. Penubuhan Maahad Tahfiz Sains Darul Aman (MTSD) berhasrat melahirkan generasi saintis dan professional yang bukan sahaja boleh menguasai ilmu akademik malah memahami dan menghayati Al-Quran dalam setiap aspek kehidupan. MTSD adalah satu-satunya sekolah berasrama penuh di bawah Lembaga Maktab Mahmud . Visi MTSD adalah untuk melahirkan huffaz yang berpengetahuan tinggi dalam Sains yang mampu menghayati isi kandungan Al-Quran di samping menguasai ilmu Waqi'e dan Syari'e serta memiliki sahsiah terpuji, kecerdasan fizikal dan mental.

Objektif penubuhan MTSD juga bertujuan menyediakan peluang pengajian Tahfiz Al-Quran dan Sains dengan menggabungkan sistem pengajian Tahfiz Al-Quran, Agama dan Akademik. Sesi persekolahan sulungnya telah bermula pada 2 Januari 2012 dan beroperasi di Jalan Pegawai, Kulim. Kurikulum Tahfiz adalah berdasarkan kaedah yang diguna pakai oleh Maahad Tahfiz di Malaysia dan Mesir yang mengandungi kaedah tajwid, talaqqi, hafazan, tasmi' dan murajaah.

Antara kaedahnya, meletakkan sasaran jumlah juzuk hafazan iaitu sebanyak 6 juzuk semasa di tingkatan satu, 7 juzuk di tingkatan dua, 6 juzuk di tingkatan 3, 7 juzuk di tingkatan 4 dan 4 juzuk di tingkatan lima. Ini bermakna lima tahun pembelajaran, para pelajar boleh menyelesaikan hafazan mereka untuk sebuah Al-Quran, 30 juzuk.

Keunggulan pelajarnya bukan sahaja dari sudut akademik dan kemantapan al Quran, bahkan ulung dalam bidang kurikulum dan aktiviti kepimpinan merentasi negeri.

Lokasinya terletak di Jalan Pegawai Kulim Kedah menjadi penghubung antara negeri Kedah, Perak dan Pulau Pinang.

KEMASUKAN PELAJAR KE MAAHAD TAHFIZ SAINS DARUL AMAN (MTSD) 2017**SYARAT - SYARAT KEMASUKAN KE MTSD**

1. Warganegara Malaysia dan KEUTAMAAN diberikan kepada anak-anak kedah atau ibu bapa kelahiran negeri Kedah.
2. Lulus UPSR dengan mendapat 6A
3. Lulus ujian temuduga

PERMOHONAN KEMASUKAN AKAN DIBUKA

- Permohonan dibuka selepas pengumuman keputusan UPSR dikeluarkan. Tempoh permohonan seminggu sahaja selepas keluar keputusan.

- Pendaftaran dibuat secara manual (tidak perlu no pin). Borang boleh diambil di LEMBAGA MAKTAB MAHMUD atau di MAAHAD TAHFIZ SAINS DARUL AMAN, KULIM.

MAKLUMAT YANG PERLU DIBAWA KETIKA MENGAMBIL BORANG

1. Keputusan UPSR 2016 dan salinan keputusan yang telah DISAHKAN.
(Hanya calon yang mendapat keputusan 6A sahaja dipelawa untuk memohon)
2. Salinan keputusan UPKK (atau setaraf) yang telah disahkan.
3. Salinan sijil lahir yang telah DISAHKAN.

TARIKH TEMUDUGA DAN BENTUK KAEDAH UJIAN KEMASUKAN YANG AKAN DILAKSANAKAN

Temuduga kemasukan akan diadakan selepas borang permohonan diproses. Pihak sekolah akan telefon bagi yang berjaya untuk ke temuduga.

Semasa temuduga, pelajar akan diuji :

- Hafazan Al-Quran
- Tilawah
- Tulisan Jawi
- Personliti (Berpakaian kemas)

PERHUBUNGAN PEJABAT MAAHAD TAHFIZ SAINS

No Telefon Maahad Tahfiz Sains : 04-4906539

No Telefon Lembaga Maktab Mahmud : 04-7728973

Maklumat lanjut akan diupdate di : <http://www.lmm.gov.my>



Maktab Rendah ini mula beroperasi pada 1 Mac 2007 apabila warga kerja pertama, Tn. Hj. Shabani bin Ahmad, Timbalan Pengetua (Hal Ehwal Pelajar) melaporkan diri di Pejabat MARA Daerah Seberang Prai Utara diikuti oleh Pn. Normah bt Mohd Kasim, Timbalan Pengetua (Hal Ehwal Akademik). Kumpulan pertama kakitangan pentadbiran seramai 12 orang mula melaporkan diri di MRSM Kepala Batas pada 12 Mac 2007, diikuti oleh guru-guru pada 15 Mac 2007.

Keluasan keseluruhan tanah untuk pembinaan MRSM Kepala Batas adalah 67 ekar yang terletak di atas Lot 8784, Mukim 6, Kepala Batas, Seberang Prai Utara, Pulau Pinang. Kampus ini mempunyai 5 blok, iaitu blok pentadbiran dan pusat sumber pembelajaran, bilik darjah dan makmal sains, asrama dan dewan selera, surau, dewan serbaguna serta pusat pelajar dan blok kuarters guru dan kakitangan. Kampus ini mampu menempatkan seramai 840 pelajar pada satu-satu sesi pengajian.

Tanggal 29 Mac 2009 bersamaan 2 Rabiulakhir 1430H, MRSM Kepala Batas ini telah dirasmikan penubuhannya oleh mantan Perdana Menteri, Y.Bhg. Tun Abdullah bin Hj Ahmad Badawi di Majlis Perasmian Projek-projek Persekutuan Parlimen Kepala Batas yang berlangsung di Dewan Milenium, Kepala Batas.

Program SPMRSM Ulul Albab merupakan program pendidikan integrasi antara program pendidikan sedia ada (Sains Tulen) dengan program aliran agama termasuk Tahfiz al-Quran. Program SPMRSM Ulul Albab ini bermatlamatkan untuk melahirkan ahli profesional, teknokrat dan usahawan yang bukan sahaja berilmu pengetahuan tetapi mempunyai kemahiran dalam bidang keagamaan berlandaskan al-Quran dan al- Sunnah sebagai generasi Ulul Albab.

Program ini adalah hasil cetusan idea mantan Pengerusi MARA iaitu Y.B. Dato, Seri Idris bin Jusoh dalam usaha untuk mentransformasi sistem pendidikan khususnya MARA. Sehubungan dengan

itu, pada tahun 2009 MRSM Kota Putra telah dipilih sebagai SPMRSM Ulul Albab yang pertama, diikuti MRSM Gemenchah pada tahun 2010 dan MRSM Kepala Batas pada tahun 2011.

PERMOHONAN KEMASUKAN KE MRSM TAHUN 2017

- Pemohon boleh mendapatkan nombor pin dengan percuma di semua pejabat MARA Negeri, Pejabat MARA Daerah atau MRSM yang berdekatan pada waktu pejabat bermula pada hari keputusan UPSR diumumkan secara rasmi.
- Tarikh tutup permohonan seminggu selepas keluar keputusan UPSR 2016. Pelajar perlu mengisi borang secara online.
- Pemohon hendaklah membawa salinan surat beranak serta salinan keputusan UPSR yang telah disahkan semasa mendapatkan nombor pin.
- Pemohon mestilah mengisi semua maklumat yang diperlukan di dalam borang permohonan online dan memastikan borang tersebut dihantar secara online. Untuk maklumat lanjut sila layari laman web MARA di alamat <http://www.mara.gov.my>.
- Temuduga MRSM Ulul Albab akan diadakan selepas permohonan diproses. Disini dikongsikan tips atau panduan bagi mereka yang akan menghadiri sesi temuduga di MRSM Ulul Albab.
- **Tarikh permohonan online :**
Dibuka : 13/ 9/2016
Ditutup : 21/10/2016



- Calon yang layak akan diberi tawaran untuk menduduki temuduga selepas borang permohonan diisi.
- Ketika menghadiri temuduga, sila pastikan perkara-perkara berikut perlu dibawa bersama dan disahkan.
 - a) Surat Panggilan Temuduga
 - b) Slip Keputusan UPSR
 - c) Sijil-Sijil Sokongan
 - d) Alat Tulis

TEMUDUGA KEMASUKAN KE MRSM

1. UJIAN HAFAZAN (25 MINIT)

Setiap calon akan diberi masa(kuarantin) selama 25 minit untuk persediaan menghafaz 1 mukasurat. Bagi calon perempuan yang ma'zurah (uzur) akan diberikan hadis hafazan. Seterusnya akan diuji bacaannya semasa proses temuduga (interview).

2. TEMUDUGA (10 MINIT)

Calon akan diminta memperdengarkan hafazan, membaca ayat tilawah dan diuji kemahiran tajwid. Calon akan dinilai dari aspek:

- a) Penampilan
- b) Kefasihan Hafazan
- c) Kemahiran Tajwid
- d) Minat
- e) Kemahiran Komunikasi
- f) Mampu Bertutur Dalam Bahasa Inggeris Dengan Baik.
- g) Pengetahuan Am

3. UJIAN JAWI (10 MINIT)**4. UJIAN MATEMATIK (35 MINIT)****5. UJIAN SAINS (30 MINIT)****6. UJIAN SIKAP (20 MINIT)****SEMAKAN PERMOHONAN**

- ❖ Semakan permohonan ke tingkatan 1 MRSM boleh dibuat dengan menggunakan angka giliran UPSR pemohon dan semak di laman web.
- ❖ Semakan status permohonan ke tingkatan 1 MRSM 2017 di Laman web MRSM.

RAYUAN PERMOHONAN

- ❖ Bagi yang tidak berjaya mendapat tawaran ke MRSM, mereka boleh membuat rayuan.
- ❖ Rayuan boleh dibuat dengan datang sendiri atau menulis surat kepada pihak MARA.
- ❖ Sila rujuk rayuan kemasukan ke Maktab Rendah Sains MARA untuk maklumat lanjut.
- ❖ Keputusan rayuan tertakluk kepada kekosongan tempat yang ada setelah proses pendaftaran pelajar yang menerima tawaran dan merit pemohon.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MASUK KE MRSM

1. Warganegara Malaysia.
2. Permohonan ini terbuka kepada pelajar yang bersekolah di Semenanjung Malaysia.
3. Pemohon hendaklah memperolehi keputusan 6A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).
4. Berkebolehan membaca Al-Quran dengan baik dan mempunyai minat dalam bidang agama.
5. Pemohon ke MRSM (Agama) akan ditemuduga.

LAIN-LAIN SYARAT KELAYAKAN-KEUTAMAAN AKAN DIBERIKAN KEPADA CALON SEPERTI BERIKUT :

1. Bergiat aktif dalam bidang kepimpinan, sukan dan permainan, kelab dan persatuan serta pasukan pakaian seragam.
2. Berasal daripada keluarga berpendapatan rendah dari sekolah pedalaman, luar bandar atau kawasan bandar yang meliputi kawasan setinggian atau kawasan daif.

SILA AMBIL MAKLUM BAHAWA

1. Pemohon yang ditawarkan ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) kementerian pelajaran tidak layak memohon ke MRSM.
2. Pemohon yang berjaya sahaja akan dihubungi.
3. Pemohon yang berjaya akan ditempatkan di MRSM yang bersesuaian mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh MARA.
4. Keputusan Jawatankuasa Tertinggi Pengambilan Pelajar MRSM adalah muktamad.
5. Hanya permohonan yang memenuhi syarat kelayakan sahaja akan dipertimbangkan.
6. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima daripada tarikh tutup akan ditolak.

PERHUBUNGAN PEJABAT MRSM

- ❖ Sebarang pertanyaan dan maklumat tambahan boleh diperolehi dengan menghubungi bahagian Pendidikan dan Latihan (Pendidikan Menengah) di talian 03 2691 5111 sambungan 3399/3392/3765 atau faks 03 2691 1658.
- ❖ Laman web rasmi MRSM <http://www.mara.gov.my/>



Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah atau nama ringkasnya *SMK Agama Kedah*, merupakan sebuah sekolah menengah agama yang terletak di Lebuhraya Sultanah Bahiyah.

Pada 2009, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah memiliki 261 pelajar lelaki dan 435 pelajar perempuan, menjadikan jumlah keseluruhan murid seramai 696 orang. Ia mempunyai seramai 71 orang guru

Diasaskan dengan menggunakan permis di SMK Tok Jalai pada tahun 1984, kemudiannya pada tahun 1987 murid-murid Tingkatan 4 berpindah ke SMK Kepala Batas Alor Setar, dan mula berada di tapak sekarang di Lebuhraya Sultanah Bahiyah Alor Setar pada tahun 1989.

Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah merupakan sekolah sekolah Agama yang berorientasikan Ulul Albab mewakili kawasan zon Utara.

Pelaksanaan Tahfiz Ulul Albab di sekolah menengah Kementerian Pendidikan menggabungkan pakej kokurikulum bersepadu tahfiz dengan model ulul albab yang telah dilaksanakan di beberapa buah Maktab Rendah Sains Mara dan Sekolah Menengah Imtiaz.

Ianya bertujuan melahirkan melahirkan modal insan profesional yang bukan sahaja menghafaz 30 juzuk al-Quran serta membina kehidupan berlandaskan al-Quran dan sunah tetapi juga berfikiran kreatif dan inovatif.

KEMASUKAN PELAJAR KE SEK MEN KEBANGSAAN AGAMA KEDAH (SMKAK) 2017**SYARAT –SYARAT KEMASUKAN**

- Mendapat 6A dalam UPSR 2016
- Lulus dengan baik Mata Pelajaran Pendidikan Islam semasa darjah 4, 5 dan 6 atau yang berkaitan
- Boleh membaca Al-quran dengan lancar
- Boleh menulis dan membaca jawi dengan baik
- Lulus ujian PAFA (UPSR)
- Menduduki Peperiksaan UPKK (Ujian Penilaian Kelas KAFA) atau setaraf.
- Menguasai Bahasa Arab

CARA MEMBUAT PERMOHONAN KE SMKAK

- Bagi sekolah kebangsaan dan SRI SABK pendaftaran dibuat melalui sekolah oleh waris secara online di www.public.moe.gov.my mulai 1 september hingga 30 oktober 2016. (Sudah ditutup) Permohonan juga boleh dibuat melalui guru kelas mulai 1 oktober hingga 22 oktober 2016.
- Bagi sekolah swasta / Sekolah Rendah Islam permohonan adalah dengan menggunakan Borang Permohonan ke SMKAK TMUA T1. Borang tersebut akan mula diedarkan pada hari keputusan UPSR diumumkan. Borang permohonan boleh didapati di Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Kedah atau Unit Pendidikan Islam Pejabat Pendidikan Daerah berhampiran.
- Info berkaitan, sila layari Portal Rasmi <http://www.moe.gov.my>
- Ujian temuduga kemasukan akan diadakan dalam tempoh 2 minggu selepas keputusan UPSR diumumkan.
- Semakan permohonan untuk sekolah kebangsaan boleh dibuat di www.public.moe.gov.my sementara sekolah swasta /SRI boleh menghubungi Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Kedah.
- Sebarang rayuan hendaklah dihantar kepada Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Kedah atau Unit Pendidikan Islam Pejabat Pendidikan Daerah berhampiran.

TARIKH TEMUDUGA DAN BENTUK KAEDAH UJIAN KEMASUKAN YANG AKAN DILAKSANAKAN

- Temuduga kemasukan akan diadakan selepas borang permohonan diproses. Calon yang berjaya untuk temuduga akan dihubungi melalui SMS atau telefon.

Semasa temuduga, pelajar akan diuji :

- Hafazan Al-Quran
- Tilawah
- Tulisan Jawi
- Personaliti (Berpakaian kemas)
- Menunjukkan Minat Yang Tinggi Dalam Bidang Hafazan.

Sebarang Pertanyaan :

Sektor Pendidikan Islam

Jabatan Pendidikan Kedah

Kompleks Pendidikan

Jalan Stadium

05604 Alor Setar Kedah

047404000



Penubuhan sekolah Menengah Sains Tahfiz Alor Setar (SEMESTI) bermula pada tahun 2011. Semesti berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah pada tahun 2012. Sekolah Menengah Agama Rakyat (Swasta) dibawah kelolaan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Kedah, WADAH Kedah dan Yayasan Takmir Pendidikan (ABIM). Visi sekolah Menyediakan pendidikan bersepadu di peringkat menengah.

MISI

- Menyediakan Pendidikan Bersepadu di Peringkat Menengah.
- Melaksanakan Tarbiyah Yang Lengkap dan Seimbang Antara Jasmani, Emosi, Aqli dan Rohani, ke
Arah Pembinaan Generasi Yang Bertaqwa, Berketerampilan, Relevan dan Komited.
- Melahirkan Masyarakat Sekolah Yang Penyayang, Berfikiran Positif, Kreatif dan Inovatif.
- Membentuk Pelajar Yang Akan Menuju ke Alam Mukallaf Dengan Iman, Ilmu, Amal dan Akhlak.

OBJEKTIF

Melahirkan HUFFAZ yang bersepadu; duniawi dan ukhrawi berteraskan Al-Quran dan Sains, sebagai generasi INSAN SOLEH sepanjang zaman, seiring dengan moto sekolah "SEMESTI Membentuk Insan Soleh"

Dari segi *pengamalan*, SEMESTI mengharapkan semua pelajar mengikut tatacara hidup berbudaya Al-Quran dan berpenampilan sebagai seorang Muslim Sejati

KEMASUKAN PELAJAR KE SEKOLAH MENENGAH SAINS TAHFIZ ALOR SETAR (SEMESTI) 2017**SYARAT KEMASUKAN KE SEMESTI**

- Warganegara Malaysia
- Bersekolah di sekolah kebangsaan dan aktif berpersatuan dan kokurikulum (eg.wakil negeri)
- Memperolehi kelulusan minima 3A 3B dalam UPSR
- Menduduki ujian kemasukan tingkatan Satu
- Lulus ujian saringan tahfiz al-quran
- Boleh membaca al-quran dengan lancar
- Boleh menulis jawi

CARA MEMBUAT PERMOHONAN

1. Borang permohonan boleh diambil di pejabat SEMESTI
2. Borang juga boleh diisi secara online di laman web SEMESTI:
(www.smstas.blogspot.com)
3. Tarikh tutup permohonan : **10 /11/2016**

TARIKH TEMUDUGA DAN BENTUK KAEDAH UJIAN KEMASUKAN

1. Tarikh temuduga pada : **26/11/2016**
2. Sesi temuduga,ada **2 Kategori**:
 - 3.1 Bagi Bekas Pelajar Sek Ren Islam Alor Setar**
 - diuji dalam bentuk penulisan
 - Surah yang ditanya ialah surah Sajadah,Al-Insan,Yassin,Al-Mulk.
 - Tajwid
 - Jawi
 - Fardhu Ain
 - 3.2 Bagi Pelajar Selain Sekolah Ren Islam Alor Setar**
 - **setengah jam pertama** : pelajar diberi ayat untuk dihafal (Awal Surah)
 - **setengah jam kedua** :
 - * Pelajar akan diuji secara bertulis : Dari segi hafazan,fardhu ain, tajwid.
 - * Pelajar diuji secara lisan : hafazan ayat lazim, hafazan ayat Al-quran yang diberi semasa setengah jam pertama, soalan-soalan umum, tajwid, fardhu ain.
4. Pakaian mestilah kemas semasa menghadiri sesi temuduga.
5. Alat tulis dan Al-Quran perlu dibawa semasa sesi temuduga.

MAKLUMAT YANG PERLU DIBAWA KETIKA MENGAMBIL BORANG

- 1) Kad Pengenalan (Anak)
- 2) Kad Pengenalan (Waris)
- 3) Sijil Sokongan
- 4) Sijil Kelahiran
- 5) Salinan Upsr Disahkan
- 6) Bayaran RM10.00

PERHUBUNGAN PEJABAT SEMESTI

Sekolah Menengah Sains Tahfiz Alor Setar (Semesti)
Kompleks Pendidikan Abim, Km5, Jalan Datuk Kumbar,
05300 Alor Setar Kedah.

No tel : +604-7319069

Faks : 04-7319068

Email : www.smstas.blogspot.com



Penubuhan Ma'had Tahfiz Sains Darul Muttaqin (MASDAR) bermula pada 6 Ramadhan 1423H bersamaan 6 Ogos 2011.

Jawatankuasa Pelaksana telah memutuskan penubuhan MASDAR bermula pada tahun 2012. Oleh itu, MASDAR secara rasminya memulakan sesi pengajiannya pada 8 Januari 2012 dengan pengambilan pertama seramai 46 orang yang terdiri dari 29 orang pelajar putera dan 17 orang pelajar puteri.

Sementara menunggu lokasi tetap MASDAR iaitu di atas Lot 2215, Mukim Temin, Daerah Kubang Pasu, Kedah Darulaman, sempurna dibangunkan. MASDAR mendapat ihsan dan kebenaran daripada Jawatankuasa Lembaga Pengelola Sekolah Agama At-Toyyibah untuk menumpang sementara di Sekolah Agama At-Toyyibah, Kg Padang Halban, Changlun, Kedah.

Pihak Jawatankuasa Lembaga Pengelola MASDAR juga telah bersetuju meletakkan MASDAR di bawah urus tadbir Nazir Amanah Koperasi Pembangunan Insan Wilayah Utara (KOINSAN).

Kini MASDAR telah beroperasi sepenuhnya di Kampung Baru Batu 13 Jalan Sintok 06010 Changlun, Kedah.

MASDAR sangat prihatin dengan keunggulan sahsiah dan akhlak pelajar yang digarapkan dengan kombinasi ilmu, kecemerlangan akademik dan penghayatan Al Quran. Oleh itu pelbagai aktiviti kepimpinan dan tarbiyyah dijalankan bagi memastikan pelajar diberikan bekalan iman dan penghayatan ilmu Islam yang secukupnya untuk menjadi generasi Al Quran yang unggul.

Pelajar di sini bukan sahaja terdiri dari pelajar dari Kedah namun juga dari seluruh negara termasuk dari Sabah dan Sarawak.

KEMASUKAN PELAJAR KE MAAHAD TAHFIZ SAINS DARUL MUTTAQIN (MASDAR) 2017**SYARAT - SYARAT KEMASUKAN**

1. Boleh membaca al-Quran dengan lancar.
2. Prai – Mumtaz/Jaid Jiddan.
3. UPSR 3A – 6A.
4. Lulus temuduga dan Ujian bertulis:
 - 4.1 Hafazan Al-Quran.
 - 4.2 Bacaan al-Quran.
 - 4.3 Tulisan Jawi.
5. Sahsiah Terpuji.

PERMOHONAN KEMASUKAN

- Permohonan akan dibuka pada awal bulan 11.
- Borang permohonan boleh diambil secara manual di pejabat MASDAR secara percuma atau diisi secara online di laman web <http://mymasdar.com>

TARIKH TEMUDUGA DAN BENTUK UJIAN:

1. Temuduga kemasukan akan dijalankan pada :
 - Tarikh : 3 Disember 2016
 - Hari : Sabtu
 - Tempat : Maahad Tahfiz Sains Darul Muttaqin
 - Masa : 8.00 pag – 2.00 petang
2. Semasa temuduga, pelajar akan diuji dengan dua sesi :
 - Sesi 1 : Ujian bertulis selama 1 jam
 - Kefahaman tentang agama
 - Fardhu Ain
 - Jawi
 - Ayat Lazim (menyambung ayat)
 - Sesi 2 : Ujian Lisan
 - Pelajar diberi sehelai muka surat ayat al-Quran dan perlu menghafal dalam tempoh masa 1 jam.
 - Pelajar diuji kemampuan hafazan, kemahiran membaca al-Quran dan jawi serta personaliti diri.


MAKLUMAT YANG PERLU DIBAWA KETIKA TEMUDUGA

1. Keputusan UPSR 2016 dan salinan keputusan yang telah DISAHKAN.
2. Salinan keputusan UPKK (atau setaraf) yang telah DISAHKAN.
3. Salinan sijil lahir yang telah DISAHKAN.

KURIKULUM SEKOLAH

1. Pengajian di MASDAR adalah selama 5 tahun.
2. Menggunakan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia.
3. Penekanan yang seimbang dalam bidang pengajian tahfiz Al-Quran, Diniyyah dan Akademik.

SISTEM PENDIDIKAN MASDAR (TAHFIZ)



PERHUBUNGAN PEJABAT MASDAR

Alamat : Kampung Baru Batu 13, Jalan Sintok, 06010 Changlun, Kedah
 No Telefon Pejabat : 04- 9241139
 Email: masdar@mymasdar.com
 Laman web : mymasdar.com